

24 OCT 1999

Mokhtar-Temuramah

SAYA BUKAN TIDAK BOLEH DIGANTIKAN, KATA WAN MOKHTAR

Oleh: Azman Ujang

KUALA TERENGGANU, 24 Okt (Bernama) -- Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata hari ini beliau tidak menganggap dirinya tidak boleh digantikan semata-matanya kerana telah menjadi Menteri Besar Terengganu selama 25 tahun.

Wan Mokhtar juga menolak tanggapan bahawa beliau memberi jalan mudah kepada PAS mengembangkan pengaruhnya di negeri yang kaya dengan hasil minyak ini untuk mengekalkan jawatannya kerana kononnya hanya beliau sahaja mempunyai pengaruh untuk berdepan dengan parti pembangkang itu pada pilihan raya umum akan datang.

"Soal sama ada saya terus menjadi Menteri Besar atau tidak terpulang kepada pucuk pimpinan negara," katanya dalam satu temuramah dengan Bernama di pejabatnya di sini.

Katanya soal beliau telah memegang jawatan Menteri Besar begitu lama dijadikan isu oleh pembangkang dan juga oleh sesetengah pihak yang lain yang mungkin juga berhasrat untuk menjadi Menteri Besar.

Wan Mokhtar berkata beliau pernah pada 1990 memberitahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa beliau telah menjadi Menteri Besar sebanyak empat penggal dan mengemukakan tiga nama kepadanya sebagai calon pengganti.

Tetapi, katanya, Perdana Menteri mahu beliau terus memegang jawatan itu yang disandangnya sejak 1974 yang menjadikannya ketua kerajaan negeri yang paling lama berkhidmat.

Mengenai cakap-cakap bahawa beliau mahu terus menjadi Menteri Besar untuk menangkis kempen bertubi-tubi PAS untuk menawan kerajaan negeri pada pilihan raya umum akan datang, Wan Mokhtar berkata ini juga merupakan satu "sangkaan buruk".

"Ini semua bergantung kepada keadaan. Kita tidak boleh bercakap mengenai perkara ini di sini kerana itu terpulang kepada pucuk pimpinan (negara). Terpulanglah kepada Perdana Menteri," katanya.

Wan Mokhtar berkata memang beliau memberi peluang kepada pemimpin pelapis daripada pakar-pakar agama dan mereka yang berpendidikan dalam bidang lain yang dilatih dan diberi tugas.

"Sesudah diberi tugas masing-masing, jalanlah dengan baik dan orang boleh menilai prestasi," katanya apabila ditanya mengenai proses memberi nafas baru dalam pimpinan politik negeri.

Katanya, beliau juga sedar ramai pemimpin politik negeri yang berhasrat untuk menjadi Menteri Besar.

Mengenai gembar-gembur PAS akan menawan Terengganu pada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata parti itu menyuarakan keyakinan yang serupa sejak tiga atau empat pilihan raya yang lepas walaupun kali ini terdapat "kelainan" dalam kempennya di negeri ini.

"Apa yang saya nampak, kali ini PAS banyak menggunakan tokoh-tokoh dari luar Terengganu untuk berceramah. Kalau penceramah dari dalam negeri ini, orang tak dengar dah," katanya.

Menurutnya, pemimpin PAS Terengganu Haji Abdul Hadi Awang dahulu merupakan seorang yang menjadi tumpuan ramai tetapi tidak lagi sekarang.

Wan Mokhtar berkata PAS sebenarnya tidak mempunyai isu untuk dilaung-laungkan kecuali isu-isu nasional tetapi rakyat negeri ini "tidak peduli" dengan isu-isu demikian.

Katanya, walaupun daripada luarannya PAS nampak kuat dan berpengaruh di Terengganu, beliau tetap yakin PAS tidak akan mencapai kemenangan kerana

parti itu mengamalkan dasar memecahbelahkan umat Islam yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

Wan Mokhtar, yang memperuntukkan satu-perempat daripada hasil royalti minyak lebih RM400 juta yang diterima oleh Terengganu setiap tahun kepada menyediakan kemudahan asas pendidikan, berkata beliau juga tidak boleh memaafkan PAS kerana menganggap mereka yang belajar sains dan teknologi itu berfahaman sekular.

Terengganu yang walaupun mempunyai penduduk hanya satu juta merupakan negeri yang menyediakan peruntukan paling tinggi untuk pendidikan dari tabungnya sendiri selain peruntukan daripada kerajaan pusat.

"Pembangunan sumber manusia ialah prioriti nombor satu saya. Jadi adalah satu pembohongan yang besar bagi PAS melarang orang Islam belajar sains dan teknologi dan hanya belajar bidang agama sahaja.

"Mereka kata belajar agama sahaja dan sekolah kerajaan itu sekolah sekular, semata-mata mahu memenangi pilihan raya dan mendapat elaun RM3,000. Mereka rela bangsa kita hancur dan orang Melayu rugi. Saya yakin Tuhan tidak akan memberi kemenangan kepada orang macam ini," kata beliau.

Menteri Besar itu berkata kerajaan negeri terpaksa mengeluarkan peruntukan besar untuk pembangunan sumber manusia, terutama mengeluarkan tenaga mahir daripada kalangan 6,000 pelajar yang lulus peringkat SPM setiap tahun, untuk menggiatkan tempo pembangunan daripada bergantung semata-mata kepada peruntukan kerajaan pusat.

Ini ialah kerana kerajaan pusat mempunyai beban kewangan yang berat dan terpaksa mengagihkan peruntukan sama rata di antara semua negeri.

"Sebagai contoh, baru semalam 10 orang lepasan SPM lulus sebagai jurugegas dari Pusat Perkembangan Kemahiran Terengganu (Tesdec). Mereka ini boleh menarik gaji RM6,000 sebulan. Ini perlu untuk menarik pelabur supaya menubuhkan industri di negeri ini," katanya.

Setakat ini, kerajaan negeri telah membelanjakan RM1.4 bilion daripada hasil royalti minyak hanya untuk menyediakan kemudahan asas pendidikan.

"Orang ramai bertanya, mana perginya hasil royalti minyak yang kita perolehi. Saya harap saya menjawab soalan ini. Sebenarnya Terengganu negeri yang ketinggalan dan tidak mempunyai kemudahan asas pendidikan," katanya.

Wan Mokhtar juga menafikan cakap-cakap bahawa beliau mempunyai masalah dalam hubungannya dengan Sultan Terengganu.

Sultan Mizan Zainal Abidin menggantikan ayahandanya Sultan Mahmud yang mangkat tahun lepas.

Sejak Wan Mokhtar menjadi Menteri Besar, Terengganu telah melalui tiga orang Sultan.

"Dari Atuknya dulu, sehingga Ayahnya dan Sultan sekarang, hubungan saya dengan istana sama sahaja...tiada apa masalah," katanya.

Menjawab satu soalan, Wan Mokhtar berkata Terengganu akan terus mengekalkan hari Jumaat sebagai cuti hujung minggu seperti yang diamalkan sekian lama kerana ia tidak mendatangkan apa-apa masalah daripada segi urusan atau hubungan luar atau antarabangsa.

Katanya, sudah menjadi tradisi umat Islam di negeri ini menjalankan pelbagai aktiviti agama pada hari Jumaat dan tradisi ini akan dipertahankan.

Terengganu, Kelantan dan Kedah merupakan tiga daripada 13 buah negeri di Malaysia yang cuti hujung minggunya hari Jumaat manakala yang lain ialah hari Ahad.

-- BERNAMA
AU RHM